

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T1/25/AKU002/IPPT/86 : **TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL AND COMMISSIONING C-ARM FLUROSCOPY MACHINE TO PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERTAM, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KEPALA BATAS, PULAU PINANG.**

Kelayakan : i) Berdaftar dengan **MOF – Kod Bidang 050101 ATAU 050102.**
ii) **Memegang Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)] Berstatus : PATUH.**

Tarikh Tutup Tender : **27 Oktober 2025 (Isnin), Jam 12.00 Tengah hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **3 Oktober 2025 hingga 16 Oktober 2025.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**

Tarikh & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak : **3 Oktober 2025 (Jumaat), Jam 3.30 Petang.**
Masa Pendaftaran : Jam 3.00 Petang.
Unit Imejan, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Syarat Taklimat / Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat / lawatan tapak** dan **membawa cap syarikat** untuk sesi pendaftaran. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat / lawatan tapak, menurunkan cap syarikat & menandatangani borang kehadiran taklimat / lawatan tapak.
ii) Hanya **penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak tender.**
iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.
iv) Wakil Syarikat (**Penama**) yang hadir wajib mengemukakan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan serta masih sah tempoh lakunya.**

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/AKU002/IPPT/86>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:
i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. (**Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan**).

- ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang **Kementerian Kewangan.**
- iii) **Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)].**

Syarat Penghantaran Dokumen

- : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**
- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**